

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NEGARA



TANGKAP layar video seorang pembeli menunjukkan kain pengelap yang ada dalam martabak yang dibeli di Bazar Ramadan Desa Pandan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

KKM mengeluarkan notis atas kecuaiannya peniaga

Martabak ada kain lap kena kompaun

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap peniaga yang meninggalkan kain dalam martabak apabila mengeluarkan satu notis kompaun terhadap kecuaiannya terbabit.

KKM dalam satu kenyataan berkata, notis kompaun itu dikeluarkan di bawah Peraturan 32(1) (b) Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009.

"KKM memandang serius aduan tular di media sosial mengenai pencemaran makanan di bazar dengan penemuan kain dalam martabak yang dibeli di Bazar Ramadan Desa Pandan, Kuala Lumpur baru-baru ini.

"KKM melalui Program Ke-

selamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) menjalankan siasatan lanjut dan mendapati kecuaiannya semasa pengendalian makanan menyebabkan kehadiran cebisan kain pengelap dalam martabak tersebut," katanya di sini semalam.

KKM berkata, beberapa kesalahannya lain dikenal pasti turut dilakukan pemilik gerai termasuk tidak membuat pengasingan jelas untuk bahan mentah dan makanan yang telah dimasak.

Katanya, ia termasuk gunakan kain pengelap yang tidak bersih dan pengendali makanan tidak memakai pakaian pelindung diri dengan sempurna.

"KKM juga sentiasa menjalankan pemantauan dan pemeriksaan di semua gerai bazar Ramadan seluruh negara.

"Sehingga kini, sebanyak 10,570 buah premis bazar Ramadan telah diperiksa.

"Peniaga makanan yang didapati tidak mematuhi arahan di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya boleh dikenakan tindakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali," jelasnya.

Pada masa sama, KKM juga mengingatkan semua peniaga premis makanan termasuk di bazar Ramadan untuk mempertingkatkan tahap kebersihan dan keselamatan makanan di premis masing-masing.

Katanya, ia bagi mengelakkan sebarang pencemaran silang dan kehadiran bendasing dalam makanan yang dijual.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : DALAM NEGERI

18 produk kosmetik, bayi boleh sebabkan kanser, mandul

GEORGE TOWN: Sebanyak 18 produk kosmetik dan barangan penjagaan bayi serta kanak-kanak yang dijual di pasaran berisiko menyebabkan penyakit termasuk kanser kepada para penggunanya.

Pegawai Penyelidik Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Hatijah Hashim berkata, kesemua produk itu didapati mengandungi bahan kimia pengganggu endokrin (EDC) yang mampu membawa kemudaratan kepada tubuh badan manusia seperti metil paraben; etil paraben (5); propil paraben (10); isobutil paraben (1) dan fenil paraben (1).

Katanya, dapatan itu diperolehi hasil daripada 32 sampel produk yang dihantar oleh CAP ke Korea Selatan untuk dikaji.

"Keputusan kajian yang dilakukan dengan bantuan *Wonjin Institute for Occupational and Environmental Health (WIOEH)* dan sokongan *Financial Industry Public Interest Foundation (FIPIF)*, keduanya di Korea Selatan amat mengejutkan.

"Sejumlah 32 sampel terdiri daripada cucian tangan, pencuci badan, ubat gigi, deodoran, cecair kumur, cecair pencuci untuk wanita dan tisu bayi telah diuji bagi jumlah paraben bagi mengenalpasti sama ada terdapat EDC di dalamnya.

"Malah kajian juga menunjukkan pencuci badan jenama popular didapati mengandungi metil, etil dan propil paraben yang tinggi. Ia juga didapati mengandungi isobutil dan fenil paraben yang diharamkan oleh Jawatankuasa Kosmetik ASEAN (ACC) sejak 2015," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini.

Mengulas lanjut, beliau percaya terdapat banyak produk kosmetik dan penjagaan diri bayi serta kanak-kanak di negara ini mengandungi EDC, namun pihaknya tidak dapat menghantar lebih banyak sampel kerana pelbagai kekurangan seperti masa dan kekurangan tenaga kerja.

Tambah mengejutkan katanya, produk-produk tersebut dikeluarkan oleh syarikat antarabangsa yang popular di negara ini sejak sekian lama.

Untuk rekod, EDC ialah bahan kimia yang mampu meniru, menyekat dan mengganggu hormon dalam sistem endokrin tubuh dalam jangka

masa panjang digunakan.

Mengulas lanjut, Hatijah memberitahu, menerusi kajian yang dijalankan di Korea juga mendapati propil paraben dalam empat sampel tisu bayi, manakala sampel ubat gigi kanak-kanak pula didapati mengandungi butil paraben dan propil paraben.

"Bahan yang tergolong dalam EDC seperti paraben berfungsi sebagai bahan pengawet, disebabkan itu ia banyak digunakan oleh syarikat-syarikat antarabangsa yang menghasilkan ubat gigi, cecair pencuci, tisu kanak-kanak dan lain-lain," katanya.

Dalam pada itu, Hatijah berkata, EDC yang terkandung dalam produk-produk kosmetik dan penjagaan bayi serta kanak-kanak ini adalah racun senyap yang boleh membawa pelbagai implikasi buruk kepada kesihatan.

"EDC diketahui mempunyai kesan yang berbeza terhadap jantina yang berbeza, ia boleh menyebabkan gangguan hormon endokrin.

"Sebagai contoh, jika terdedah terlalu lama kepada bahan yang mengandungi EDC, seseorang lelaki boleh berubah menjadi lembut seperti wanita dan wanita boleh berubah perwatakan menjadi lelaki, semuanya adalah berpunca daripada EDC yang mampu mengganggu hormon," ujarnya.

Selain itu, katanya, antara kesan lain ialah ia mampu menyebabkan kemandulan kepada lelaki dan wanita kerana EDC mengganggu kualiti sperma dan juga boleh mengganggu kitaran haid wanita sehingga menyebabkan ketidaksuburan berlaku.

"Jadi, sekiranya seseorang individu ini terdedah kepada bahan EDC dalam jangka masa panjang, bahan kimia ni akan kitar hormon haid, mengganggu pengeluaran sperma yang berkualiti dan akibatnya lelaki dan wanita tidak lagi subur.

"Selain itu, EDC juga dalam jangka masa panjang meningkatkan risiko penyakit-penyakit berkaitan hormon seperti kanser, masalah kegemukan, diabetes dan lain-lain penyakit kronik," jelasnya.

Sementara itu, Hatijah menjelaskan, buat masa ini tidak ada undang-undang khusus di negara ini untuk menyekat penggunaan EDC di dalam produk dan penggunaannya juga meluas di seluruh dunia.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : DALAM NEGERI

8

Utusan Malaysia
KHAMIS • 28 MAC 2024

Budak lumpuh akibat hospital cuai dapat ganti rugi RM4.59 juta

Oleh NORLIZAH ABAS
utusannews@medianusa.com.my

PUTRAJAYA: Seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun mendapat ganti rugi RM4.59 juta bagi kos penjagaan kejururawatan selepas Mahkamah Rayuan semalam menolak rayuan Kerajaan Malaysia untuk mengurangkan jumlah itu ekoran kecuai sebuah hospital awam yang mengakibatkan mangsa lumpuh sejak dilahirkan.

Kanak-kanak itu yang dilahirkan 12 Mei 2020 melalui pembedahan Caesarean mengalami kecederaan saraf tunjang berikutan komplikasi pembedahan.

Mangsa mengalami lumpuh secara kekal bergantung kepada alat bantuan pernafasan serta menjalani prosedur pembedahan pada trakea.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Hanifah Farikullah sebulat suara menambah jumlah ganti rugi daripada RM2.75 juta yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi.

Beliau yang bersidang bersama-sama Datuk See Mee Chun dan Datuk Wong Kian Kheong membenarkan rayuan kanak-kanak itu dan menolak rayuan kerajaan untuk mengurangkan ganti rugi RM5.6 juta yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi. Kerajaan juga diperintah membayar kos RM50,000.

Ketika membacakan penghakiman itu, Hakim Mee Chun antara lain berkata, mahkamah mengambil kira keterangan saksi pakar kes itu merupakan yang paling kompleks kerana melibatkan kanak-kanak yang bergantung hidup pada bantuan pernafasan dan memerlukan penjagaan sepanjang hari.

Panel itu selanjutnya membenarkan rayuan dan memberikan ganti rugi RM660,000 bagi kos pengubahsuaian rumah untuk keselesaan keluarga serta RM150,000 untuk pembelian kenderaan pelbagai guna (MPV).

Selain itu, mahkamah menambah ganti rugi akibat penderitaan kerana kecederaan otak daripada RM300,000 kepada RM400,000 selepas berpuas hati kuantum diputuskan Mahkamah Tinggi, terlalu rendah.

"Meskipun plaintif tidak alami kerosakan otak, kecederaan saraf tunjang ketika lahir menyebabkannya lumpuh dari leher ke bawah. Kanak-kanak itu sedar keadaan sekelilingnya dan harus menanggung kesakitan seumur hidup," ujarnya.

Mahkamah turut membenarkan ganti rugi teruk RM80,000 selepas mengambil kira keengganan defendan untuk mendedahkan laporan perubatan secara sukarela serta kelewatan dalam mengakui liabiliti.

Panel itu juga memerintahkan kerajaan membayar

RM24,000 bagi kos 'mobile electric hoist' untuk memudahkan penjagaan dan perpindahan mangsa. Kanak-kanak itu turut mendapat RM171,600 bagi kos berkaitan urusan pembantu rumah sepenuh masa.

Kanak-kanak itu diwakili peguam Manmohan Singh Dhillon, Karthi Kanthabalan dan Aaika Zulaiha Mohd. Yusop manakala Peguam Kanan Persekutuan Masriwani Mahmud mewakili kerajaan.

Mangsa yang ketika itu berusia setahun empat bulan memfailkan tindakan saman melawai bapanya pada 15 September 2021 terhadap kerajaan dan doktor terbabit dengan mendakwa mereka cuai serta gagal bertindak demi kepentingan mangsa.

Hakim Datuk Akhtar Tahir dalam keputusannya terhadap taksiran ganti rugi berkata, mahkamah mempertimbangkan keterangan doktor pakar bahawa kanak-kanak itu berkeungkinan hidup sehingga usia 23 tahun berdasarkan keadaannya, lantas kanak-kanak itu berhak mendapatkan pampasan mencukupi sepanjang hayat.

"Tiada jumlah wang yang boleh mengurangkan kesakitan dan penderitaannya. Oleh itu, mahkamah hanya boleh membenarkan jumlah mencerminkan kerugian dialami serta jumlah itu tidak boleh terlalu tinggi sebaliknya munasabah.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : RENCANA

Derma organ mampu selamatkan lebih banyak nyawa rakyat

MUKADIMAH

SEJAK 1997, seramai 382,020 yang telah berikrar akan menderma organ baharu, namun hanya 883 individu didapati benar-benar menderma organ sedangkan jumlah senarai menunggu yang memerlukan organ kini mencecah 9,608 orang.

Ini menimbulkan persoalan mengapa berlakunya jurang besar antara jumlah penderma dan penerima organ, menunjukkan wujudnya kekeliruan tertentu dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia yang masih berpeluang untuk meneruskan kehidupan.

Ikuti wawancara Timbalan Pengarah Pusat Sumber Transplan Nasional (NTRC), DR. HASDY HARON bersama wartawan Utusan Malaysia, OMAR ZIN dan AHMAD FITRI MOHD. ASRI serta jurufoto, MOHD. FIRDAUS MOHD. JOHARI bagi mendapatkan pandangan beliau.



UTUSAN: Bagaimana tahap pendermaan organ di negara ini?

DR. HASDY: Saya telah berkhidmat di NTRC sejak 2011 dan memang kita dapati banyak cabaran sebenarnya dan yang paling besar untuk meningkatkan kesedaran awam dan jumlah penderma organ supaya kita dapat buat transplan dan pemindahan organ itu dapat dilaksanakan sebab pesakit dalam transplan sentiasa ada dan sentiasa meningkat.

Faktor antara permintaan dan bekalan dari penderma organ masih kurang dan kita masih sukar untuk betul-betul mendapat satu jumlah penderma organ yang mencukupi setiap tahun dan dari segi kesedaran awam pun kita dapati memang masih banyak cabaran yang kita nak lakukan untuk memastikan orang awam semua berikrar sebagai penderma organ.

Apa risikonya jika pemindahan organ terus berkurangan?

Jika tiada transplan, mereka akan meninggal dunia sementara menunggu. Bila kita adakan program pendermaan organ ini, tujuannya untuk memberi peluang pesakit meneruskan kehidupan lebih baik.

Polisi transplan kebangsaan secara dasarnya menyatakan bahawa setiap pesakit di Malaysia berhak mendapat peluang untuk transplan. Macam mana nak dapat peluang kalau tiada organ. Jadi orang perlu menderma. Pentingnya, sebab kita nak selamatkan nyawa orang.

Kita nak beri mereka peluang kedua untuk hidup.

Bagaimana proses pemindahan organ dilakukan?

Apabila seseorang individu meninggal dunia di hospital, kita akan kenal pasti sama ada dia mempunyai organ yang sesuai untuk didermakan. Ada beberapa siri ujian dilakukan dan apabila disahkan kematian barulah doktor akan jumpa ahli keluarga atau waris dan bertanya mengenai pendermaan organ.

Jadi, bila kita jumpa ahli keluarga, kita akan terangkan dan beritahu peluang untuk menderma. Jika waris bersetuju, kita akan terus buat beberapa ujian saringan sama ada organ masih bagus atau tidak, barulah buat pembedahan.

Kita cuma lakukan pemindahan organ di bilik bedah sahaja. Selalunya kita akan buat pemindahan dalam pukul 2 atau 3 pagi dan ia dilakukan dengan penuh hormat dan teliti seperti seolah-olah dia hidup lagi.

Hanya organ yang bagus sahaja kita boleh ambil, kalau tidak, kita tidak akan usik. Selesai urusan, kita bersihkan jenazah dan kita serahkan balik kepada keluarga keesokan paginya. Selalunya akan habis dalam pukul 6 atau 7 pagi. Pukul 8 pagi, kita dah serahkan jenazah pada keluarga.

Selalunya, kita akan tanya keluarga kalau nak tengok jenazah macam mana dan kita akan pastikan jenazah dalam keadaan baik dan lepas itu keluarga boleh bawa balik ataupun uruskan jenazah mengikut agama masing-masing.



Setiap pesakit di Malaysia berhak mendapat peluang untuk transplan. Macam mana nak dapat peluang kalau tiada organ."

Kalau melibatkan kes *medico-legal*, maksudnya kematian seperti kemalangan, pembunuhan, bunuh diri dan sebagainya, kita perlu kebenaran daripada keluarga, polis dan majistret.

Berapa lama organ biasanya bertahan?

Prinsip pembedahan pemindahan organ ini lagi cepat kita pindahkan atau transplan lagi bagus, ini kita panggil tempoh *iskemik*. Ketahanan organ jantung dan paru-paru paling singkat iaitu selama empat hingga enam jam. Hati pula lapan hingga 12 jam manakala buah pinggang 12 hingga 24 jam.

Berapa kadar kejayaan transplan organ?

Kadar kejayaan agak bagus sebenarnya untuk kategori kadaverik (penderma meninggal dunia). Contohnya, buah pinggang sahaja mencatatkan lebih 90 peratus untuk tahun pertama survival manakala penderma masih hidup dalam 97 ke 98 peratus.

Apa perancangan NTRC ketika ini? Beberapa tahun

kebelakangan ini, kita memang banyak fokus untuk pengesanan penderma di hospital, sebab kita kena faham bila orang meninggal dunia, keluarga mungkin tidak ingat, sebab dalam kesedihan. Mana nak ingat nak derma organ. Yang kena ingatkan ialah hospital supaya peluang menderma organ itu tidak hilang.

Kita pernah melakukan beberapa kajian retrospektif pada 2014 dan 2015. Ada beberapa pengikrar penderma yang meninggal dunia, tapi kita tidak kesan di hospital. Jadi, pihak hospital perlu melakukan pengesanan dan NTRC fokus juga pada kesedaran awam.

Cabaran seterusnya, waris sama ada setuju atau tidak, ini cabaran besar. Pada masa ini, kita sentiasa lakukan kempen fizikal, ada jemputan di setiap negeri dan selalunya kita akan ikut sekali dengan kempen derma darah.

Kita juga ada media sosial ataupun media arus perdana untuk kesedaran, terutamanya media sosial yang banyak tumpukan golongan muda, golongan pertengahan dan sebagainya dengan kandungan tentang transplan.

Kita juga perlu adakan kerjasama strategik dengan pihak tertentu. Kalau kita lihat, mungkin banyak orang Islam takut nak derma organ, jadi NTRC memang bekerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam.

Baru-baru ini kita ada program forum Islam

dengan pihak majlis fatwa dan sebagainya dengan menyediakan segala maklumat mengenai transplan dan derma organ, hukum dia harus dan dijelaskan segala isu yang masyarakat tidak faham contohnya kenapa perlu melengah-lengahkan jenazah, kenapa mencacatkan jenazah, semua itu mufti dan pihak agama terangkan.

Kami juga adakan minggu kesedaran pendermaan organ iaitu sempena Hari Pendermaan Organ pada 13 Ogos. Insya-Allah, tahun ini pun kita akan rancang untuk melakukan program untuk tingkatkan kesedaran awam.

Di hospital pun ada peranan, orang awam pun ada peranan. Perlu penglibatan kedua-dua pihak. Kalau orang hospital sendiri pun tidak percaya transplan atau pendermaan organ susah juga.

Apa nasihat doktor dalam menggalakkan pendermaan organ?

Harapan saya untuk komuniti dan masyarakat di luar sana adalah menyokong pendermaan organ. Mungkin anda semua mungkin belum bersedia lagi nak menjadi penderma organ, tetapi jika ada peluang menjadi penderma organ, kita harap dapat sokongan daripada semua orang.

Percayalah, ramai sangat orang Malaysia masih perlukan organ. Saya harap masyarakat Malaysia dapat memberi sokongan padu. Satu hari nanti, kita dapat memberi peluang kepada pesakit-pesakit supaya dapat meneruskan kehidupan baharu.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : RENCANA

16

Utusan Malaysia
KUALA LUMPUR • 28 MAC 2024

Rencana

Nikotin vape: Bertindak atau tunggu dan lihat?

ISU keracunan dan ketagihan vape dalam kalangan bawah umur masih tidak terkawal.
- GAMBAR HIASAN

UJIAN BERHUJAH

Oleh
Dzulkipli
Abdul Razak



MEMADAI menoleh semula peristiwa pahit April 1, 2023 apabila pusingan-U dibuat dalam soal 'menghalalkan' racun cecair dan gel nikotin bagi anak-anak Malaysia berusia 18 tahun ke bawah.

Ia terserlah apabila keputusan Lembaga Racun ditolak bulat-bulat menyalahi prinsip etika serta ikrar pengamal kesihatan sedunia melindungi hak kesihatan awam rakyat sebagai amanah yang tidak boleh diketepikan. Apa lagi disokong pula oleh banyak badan perubatan dan kesihatan profesional seperti Persatuan Ahli Farmasi Malaysia (MPS) yang turut tidak setuju dengan keputusan pusingan-U tersebut.

Ternyata lagi, apabila Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) meramalkan bahawa langkah sedemikian akan melahirkan satu lagi kelompok penagih baharu, ini bukan satu perkara baharu, tetapi kerana keputusan pusingan-U itu, bilangan penagih tegar merentas generasi berlipat-lipat kali ganda, maka ungkapan "generasi" oleh WHO mengambarkan kegetiran yang dahsyat.

Sehingga terpaksa dibawa

ke mahkamah oleh tiga badan profesional untuk senjikan bagi menghindari bakal jutaan nyawa anak-anak tidak berdosa diragut akibat keracunan nikotin vape luar kawalan. Di samping menjadi masalah penagihan tegar terus memuncak. Proses ini sudah pun bermula hampir setahun lalu sebagai satu musibah yang tidak lagi diragui.

PEMBELOT TEGAR

Ini dibuktikan dengan pautan rapat terhadap industri tembakau dan vape sebagai pembelot tegar tanpa berhati perut. Paling mengejutkan ia terbongkar apabila Timbalan Menteri Kesihatan menerangkan dalam Parlimen terkini bahawa pemain industri tembakau dan vape menemui ahli-ahli Parlimen pada Ogos lalu bertujuan kononnya memberi penjelasan.

Sebelum ini, janji-janji untuk menyelesaikan isu tersebut dalam sidang-sidang Parlimen terdahulu tergendala berapa kali. Akhirnya, dibentangkan pada bulan November 2023, tetapi dengan keputusan amat mengecewakan. Yakni isu keracunan dan ketagihan bawah umur masih tidak terkawal seperti mana diduga sesetengah pihak. Apa pun, paling mengejutkan ia berkait dengan "pengaruh melobi" dari pihak industri, bukan seperti sangkaan hujah perundangan serta pelaksanaan.

Maksudnya, kegagalan melindungi hak rakyat dari



“Nikotin vape berpotensi membunuh nyawa jutaan mereka berusia muda, terutamanya dalam kalangan berekonomi status rendah, terutama lelaki.”

keracunan nikotin vape terus meruncing apabila Rang Undang-undang Generasi Penamat (GEG) tewas. Seolah-olah sudah terancang. Justeru mengesyaki ada unsur-unsur tidak amanah dan kompromi bersengaja dalam cetusan

kontroversi nikotin vape.

Dusta bulat-bulat, berlarutan sehingga saat ini. Parlimen turut terpedaya senyap-senyap sedangkan pada haldkatnya kesannya lebih mendekati genosid di Gaza. Bagaimana? Cecair nikotin membunuh para penggunanya, lambat laun.

Walaupun tidak secepat pengeboman, ia mengakibatkan keseksaan serta derita sepanjang hidup, melalui pelbagai jenis penyakit memautkan. Seperti di Gaza, ia lebih menyasar kanak-kanak apabila penjualannya tidak lagi terkawal di bawah Akta Racun 1952. Ini sudah pun menular hampir setahun dengan meluas mengikut laporan media awam serta aduan guru-guru sekolah khususnya.

Seperti di Gaza juga, tiada tempat berlindung angkara langkah pusingan-U terdahulu, penjualannya merata-rata, termasuk gerai dan warung Ramadan. Berpotensi membunuh nyawa jutaan mereka berusia muda, terutamanya dalam kalangan mereka tiada persekolahan, berekonomi status rendah, terutama lelaki.

Dengan kata lain, umpama genosid di Gaza tetapi lebih tertipu kepada masyarakat Melayu dan ummah Islam di Malaysia, melibatkan maut pra-matang yang ditempah-tempah. Lantas bakal mengukir tragedi seantero apabila Malaysia ura-ura menjadi pengeksportan racun nikotin vape terbesar dunia mengikut satu syarikat pelabur yang berminat ke arah ini.

Hanya bezanya, di Gaza kemusnahan berlaku di tangan musuh ketat. Di Malaysia, datangnya sendiri terhadap rakyat sendiri, serumpun. Dengan adanya pengakuan bersubuhah dengan industri pembelot terang-terangan, timbul soalan cepumas: Di manakah kepemimpinannya seperti yang dibangkitkan Perdana Menteri?

Mujurlah masih ada satu lagi harapan, mungkin yang terakhir. Berbaki beberapa hari lagi sebelum ulang tahun 1 April, bagi membuktikan bahawa kepemimpinan negara dan kementerian benar-benar mampu meniadakan kekejaman isu nikotin vape.

Menolak lobi industri. Apa lagi menegakkan amanah. Nasib langkanya mudah sahaja. Buat pusingan-U semula supaya menyenaraikan cecair dan gel nikotin kembali sebelum April 2024; sekali gus menyangkal dakwaan bersekongkol dengan industri pembelot.

Jika dahulu menteri berani buat pusingan-U, sekarang wajarnya lebih berani lagi dalam menghentikan kekejaman nikotin untuk menyelamatkan jutaan nyawa tanpa langkah-langkah lagi.

Sebagai contoh pemimpin New Zealand dicemburui dalam hal ini. Malaysia bagaimana? Masih tunggu dan lihat, menghitung mayat!

PROFESOR Emeritus Tan Sri Datuk Dzulkipli Abdul Razak ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : VIEWS

Protect kids from allure of vaping

AS a mother, the issue of vaping among Malaysia's youth hits close to home. The sight of students openly vaping outside a well-known secondary school in an upscale Kuala Lumpur suburb has become disturbingly common.

In Parliament recently, the Deputy Health Minister revealed that 38,000 student smokers have been identified – but there's a glaring possibility that the figure doesn't capture the full extent of youth nicotine consumption. The Health Ministry must not conflate vaping and traditional smoking in its assessments.

Urgent action is imperative to curb the burgeoning vape epidemic before it spirals out of control and entraps our youth in addiction. The Health Ministry must implement targeted interventions, such as stringent regulations on vape manufacturing and imports, mirroring the measures imposed on the tobacco industry. This could entail enforcing plain packaging requirements not only for vape boxes but also for the devices themselves, transitioning to less visually enticing designs aimed at children.

It's time for policymakers and stakeholders to prioritise the protection of our children from the harmful allure of vaping addiction.

CASSANDRA LEONG
Desa Sri Hartamas
Kuala Lumpur